

إنما
يُنْهَا
اللَّهُ
مِنْ
عِبَادَتِهِ
الْعِلْمُ

Volume 17, No. 3 2020

JOURNAL OF

Islam in Asia

A Refereed International Biannual Arabic - English Journal

JOURNAL OF
Islam in Asia

Volume 17, No. 3, 2020

ISSN: 1823-0970 E-ISSN: 2289-8077

SPECIAL ISSUE: FAMILY FIQH ISSUES IN MALAYSIA

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA



Journal of Islam in Asia

Special Issue: Family Fiqh Issues in Malaysia 2020

EDITOR-in-CHIEF

Mohammed Farid Ali al-Fijawi

ASSOCIATE EDITOR

Homam Altabaa

GUEST EDITORS

Sayed Sikandar Shah & Mek Wok Mahmud
(Fiqh & Usul al-Fiqh, KIRKHS, IIUM)

Raudlotul Firdaus Fatah Yasin
(Qur'an & Sunnah Studies, KIRKHS, IIUM)

EDITORIAL ASSISTANT

Kamel Ouinez

EDITORIAL ADVISORY BOARD

LOCAL MEMBERS

Abdel Aziz Berghout (IIUM)
Muhammed Mumtaz Ali (IIUM)
Nadzrah Ahmad (IIUM)
Rahmah Bt. A. H. Osman (IIUM)
Sayed Sikandar Shah (IIUM)
Saidatolakma Mohd Yunus (IIUM)
Thameem Ushama (IIUM)

INTERNATIONAL MEMBERS

Abdullah Khalil Al-Juburi (UAE)
Abu Bakr Rafique (Bangladesh)
Anis Ahmad (Pakistan)
Fikret Karcic (Bosnia)
Muhammad Al-Zuhayli (UAE)
Zafar Ishaque Ansari (Pakistan)

Articles submitted for publication in the *Journal of Islam in Asia* are subject to a process of peer review, in accordance with the normal academic practice.

♥ 2020 by **International Islamic University Malaysia**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, translated, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior written permission of the publisher.

Kahwin Lari Tanpa Izin Wali Bagi Anak Dara Yang Masih Mempunyai Wali Nasab: Satu Analisis Ke Atas Fatwa Negeri Perlis

An Elopement Marriage of the Virgin Who Still Has Family Guardian: An Analysis of the Fatwa in Perlis

Atiqah Hazman*, Bahiyah Ahmad**, and Norhidayah Pauzi***

Abstrak

Permasalahan utama bagi kajian ini adalah mengenai perbezaan pandangan fatwa antara Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Mesyuarat Fatwa Negeri Perlis berkaitan hukum anak dara yang berkahwin lari tanpa mendapat keizinan wali nasab. Objektif kajian adalah untuk menilai justifikasi pandangan fatwa yang diputuskan oleh Negeri Perlis bagi pasangan yang sengaja lari daripada wali untuk diakadnikah berwalikan wali hakim di Selatan Thailand. Metodologi yang telah digunakan adalah metod kepustakaan termasuk penelitian kes-kes mahkamah yang direkodkan, penelitian ke atas kertas kerja fatwa negeri-negeri serta metode lapangan seperti temu bual secara bersemuka dengan beberapa informan seperti hakim, mufti, penggubal undang-undang dan sarjana negara. Hasil kajian mendapati bahawa fatwa kawin lari Negeri Perlis yang dikeluarkan dalam aspek anak dara yang masih mempunyai wali nasab yang sengaja melarikan diri untuk berkahwin adalah tidak sah lebih menepati kehendak syarak seperti mana yang telah dibincangkan oleh fuqaha. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak berautoriti seperti para hakim, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Majlis Agama Negeri-Negeri dan Institusi-Institusi Fatwa dalam menilai semula keputusan pasangan yang kawin lari di negara ini.

* Pelajar Ijazah Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, emel: atiqahhazman@gmail.com

** Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, emel: bahiyah_api@um.edu.my

*** Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, emel: da_my85@um.edu.my

**269 Kahwin Lari Tanpa Izin Wali Bagi Anak Dara Yang Masih Mempunyai Wali
Nasab: Satu Analisis Ke Atas Fatwa Negeri Perlis**

Kata Kunci: Kahwin lari, fatwa, dua marhalah, wali ghaib, wali enggan.

Abstract

The main concern of this article is about the differences of fatwas between Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan and Mesyuarat Fatwa Negeri Perlis regarding the virgin who eloped to Southern Thailand for married without the consent of the authorized family guardian. The objective of this research is to assess the fatwa of Perlis on the marriage of couples who eloped to Southern Thailand for married. This research employed a qualitative approached through content analysis of the fatwa paper works and recorded shariah court cases. The interviews were also conducted with muftis, judges, lawmakers and scholars. The finding revealed that the fatwa of Perlis which stated the virgin woman in Malaysia who eloped to Southern Thailand without the consent of the authorized family guardian is invalid meets the Shariah requirements as discussed by Fuqaha. The result of the study is hoped to be useful to the authorized organizations such as JAKIM, syariah judges, Islamic religious council and fatwa institutions for further improvement hence to reevaluate existing fatwa and legal provisions pertaining to the elopement issues in Malaysia.

Keywords: Elopement, fatwa, guardian consent, two marhalah, guardian transfer.

Pendahuluan

Istilah kahwin lari merupakan satu alternatif yang merujuk kepada perkahwinan yang dilakukan oleh pasangan dalam keadaan mereka mlarikan diri daripada wali sebenar dan prosedur yang telah disediakan oleh Mahkamah Syariah. Kebanyakkan pasangan yang berkahwin lari melangsungkan perkahwinan mereka di luar negara khususnya di Selatan Thailand. Hal demikian kerana prosedur dan proses perkahwinan di Selatan Thailand adalah lebih cepat dan kos yang murah. Secara purata dalam sehari telah mencapai 30 pasangan atau kira-kira 1000 orang setiap bulan.¹

Statistik bilangan pasangan Malaysia yang berkahwin di Thailand juga telah menunjukkan suatu peningkatan iaitu antara 20 hingga 25 pasangan sehari pada tahun 2014 berbanding 15 hingga 20 pasangan

¹Yatimin Abdullah, “30 pasangan Malaysia kahwin di Thailand setiap hari,” Kosmo!, 19 September 2013, 1-2.

dalam sehari bagi tahun 2013. Pada Januari dan Februari 2015 yang lalu, sebanyak 675 pasangan telah berkahwin di Selatan Thailand. Malahan menurut Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) pula sebanyak 7079 pasangan yang telah berdaftar perkahwinan mereka di Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Songkla dari Januari 2013 hingga Jun 2015. Walau bagaimanapun, hanya seramai 499 pasangan yang datang membuat pengesahan dalam tempoh yang sama.² Antara alasan utama berlakunya kahwin lari adalah mendapat halangan daripada keluarga dan isteri pertama.³ Menurut YB Puan Hajah Fuziah Saleh dalam Program Wacana Perkahwinan Rentas Sempadan, anjuran JAKIM dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEIK), perkahwinan rentas sempadan tidak sepatutnya dijadikan “jalan pintas” menghalalkan hubungan kerana ianya memberi banyak keburukan terutama kepada kaum wanita seperti urusan pendaftaran kelahiran anak, pengabaian hak-hak, tekanan emosi serta pandangan negatif masyarakat.⁴

Permasalahan bagi isu kahwin lari ini adalah berkaitan status penggunaan wali hakim atau wali am di negara jiran tersebut (Selatan Thailand) dalam kes anak dara yang masih mempunyai wali nasab. Secara umumnya terdapat dua fatwa sedia ada di Malaysia berkaitan kahwin lari. Pertama yang mengesahkan perkahwinan lari walaupun tanpa izin wali nasab sekiranya perkahwinan telah berlaku melebihi 2 marhalah dari kedudukan wali nasab, dinikahkan oleh juru nikah yang dilantik secara rasmi oleh pemerintah di Selatan Thailand serta berdaftar dengan Konsulat Malaysia di Selatan Thailand. Perkahwinan tersebut

² Sharifah Hazirah Al-Jeffrey, “Makin Ramai Nikah Di Thailand”, laman sesawang Sinar Online, dikemaskini 13 Oktober 2015, dicapai 12 Februari 2018, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/makin-ramai-nikah-di-thailand-1.439756>.

³ Bernama, Astro Awani, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ejen-nikah-dedah-dua-alasan-utama-kahwin-di-thailand-200138>, 4 Mac 2019, dicapai 20 Januari 2020.

⁴ Program Wacana Perkahwinan Rentas Sempadan, Website Rasmi JAKIM, 14 Ogos 2018, <http://www.islam.gov.my/berita-semasa/34-bahagian-keluarga-sosial-komuniti/1656-program-wacana-perkahwinan-rentas-sempadan>

**271 Kahwin Lari Tanpa Izin Wali Bagi Anak Dara Yang Masih Mempunyai Wali
Nasab: Satu Analisis Ke Atas Fatwa Negeri Perlis**

mengikut rukun dan syarat perkahwinan yang digariskan syarak. Misalnya fatwa Majlis Kebangsaan menyatakan⁵

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002 telah membincangkan Kahwin Lari di Selatan Thailand. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum pernikahan di luar negara adalah sah dengan syarat:

- i. *Pernikahan itu mengikut rukun nikah*
- ii. *Pernikahan itu melebihi dua marhalah*
- iii. *Tiada keputusan mahkamah yang menghalang perempuan itu berkahwin atas alasan syarak ditempat dia bermastautin.*
- iv. *Pernikahan itu dilakukan oleh wali hakim yang diiktiraf oleh wilayah negara berkenaan dan diakad nikahkan di wilayah berkenaan di mana ia ditauliahkan sebagai wali hakim.*

Kedua, keputusan yang tidak mengesahkan perkahwinan lari kerana tidak mendapat izin wali bagi anak dara yang masih mempunyai wali nasab. Kes ini bagi mereka yang sengaja lari meninggalkan wali. Ini merupakan keputusan fatwa bagi Negeri Perlis⁶:

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-39 / 2019 pada 1 Mac 2019 / 24 Jumadil Akhir 1440h berkaitan Fatwa Hukum Kahwin Lari Atau Luar Negara. Keputusan adalah sepetimana berikut:

Perkahwinan yang berlaku ke atas satu-satu pasangan di luar negara melibatkan beberapa kategori iaitu:

⁵ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Isu-isu Fatwa Munakahat: Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, (W.P Putrajaya: JAKIM, 2013), 29.

⁶ Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis berkaitan hukum kahwin lari atau luar negara. Emel pada 13 November 2019 oleh Rusnani Binti Hasan Pembantu Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Negeri Perlis.

1. Pasangan yang berada di negara luar dan menghadapi kesukaran yang besar untuk mendapatkan keizinan wali yang asal sehingga terpaksa menggunakan wali hakim. Perkahwinan sebegini adalah sah.
2. Pasangan yang sengaja keluar dari negara yang sepatutnya mereka berkahwin.

Untuk kategori yang kedua ini, ia melibatkan dua sebab:

- i. Mengelakkan diri daripada birokrasi pihak pentadbiran perkahwinan setempat
- ii. Malarikan diri daripada wali.

Berhubung dengan sebab pertama, jika satu-satu pasangan keluar negara bersama wali atau setelah mendapat keizinan wali, perkahwinan itu sah tanpa ragu. Jika bakal isteri seorang janda, memadai dengan mendapatkan persetujuan wali. Jika saudara baru, boleh menggunakan wali hakim.

Berhubung dengan sebab kedua, jika sekiranya wanita itu seorang anak dara dan walinya pula enggan mewalikan perkahwinannya (*adhl*) tanpa sebarang sebab yang munasabah, perkahwinan ini juga adalah sah dengan syarat dia dapat membuktikan keengganan wali tersebut untuk mewalikan perkahwinannya. Jika tidak, perkahwinannya dikira sebagai fasid dan hendaklah mengulangi semula akad perkahwinan itu dengan keizinan wali. Sekiranya mempunyai zuriat dalam tempoh tersebut, nasabnya dikira sabit. Jika wali membantah perkahwinan kerana pasangan secara jelas tidak sekufu dan dipersetujui oleh pihak berkuasa agama, maka perkahwinan itu terbubar.

Menurut fatwa Negeri Perlis, hukum perkahwinan lari seorang anak dara menjadi *fasid* sekiranya dilakukan tanpa keizinan walinya. *Fasid* dan batal atau pun tidak sah adalah sama pada pandangan jumhur kecuali Hanafiyah. Sekiranya suatu perkahwinan itu *fasid*, ianya

**273 Kahwin Lari Tanpa Izin Wali Bagi Anak Dara Yang Masih Mempunyai Wali
Nasab: Satu Analisis Ke Atas Fatwa Negeri Perlis**

bermaksud haram dan tidak ada padanya penetapan-penetapan daripada hasil perkahwinan kecuali *mahar mithil* dalam beberapa keadaan ketidak sahan tersebut. Ini seperti mana hadith Nabi S.A.W⁷:

«أَبْيَا امْرَأَةٌ نَكْحَتَ بَغِيرِ إِذْنٍ وَلِيَهَا فَنَكَاحُهَا بَاطِلٌ إِنْ دَخَلَ بِهَا فَلَهَا
الْمَهْرُ بِمَا اسْتَحْلَمْ مِنْ فَرْجِهَا»⁸

Terjemahan: “Mana-mana wanita yang berkahwin tanpa izin walinya, maka perkahwinannya adalah batal dan apabila dia telah dicampuri oleh suaminya, maka untuknya mahar kerana telah menghalalkan percampurannya.”

Walau bagaimanapun perkahwinan yang dimaklumi *fasid* dan belum berlaku persetubuhan antara lelaki dan perempuan maka tidak ada sebarang penetapan-penetapan hasil perkahwianan tersebut. Contohnya tiada hak untuk bersekedudukan dan tidak wajib pemberian mahar ataupun nafkah kepada perempuan tersebut. Tidak diwajibkan juga *iddah* ke atas perempuan, tidak disabitkan *hurmah musaharah* serta tidak disabitkan nasab anak yang lahir dan tiada pewarisan.⁹

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan metode kepustakaan termasuk penelitian kes-kes mahkamah yang direkodkan, penelitian ke atas kertas kerja fatwa negeri-negeri serta metode lapangan seperti temu bual secara bersemuka dengan beberapa informan seperti hakim, mufti, penggubal undang-undang dan sarjana negara. Bagi mendapatkan keputusan dan pandangan fatwa berkaitan hukum pasangan warganegara Malaysia yang berkahwin lari di Selatan Thailand, kiriman

⁷ Wahbah bin Muṣṭafa al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islam wa-adillatuhu* (Damsyiq: Dār Fikr, 2007), 7:95.

⁸ Hadis riwayat Abu Dāwud, Kitab al-Nikāh, Bab fi al-Wali, no.hadith 2083. Lihat Abu Dāwud Sulayman ibn al-ashghath al-azdi as-sijistani, Sunan Abī Dāwud, ed Muhammad Muhyiddīn ‘Abd al-Hamīd (al-Riyād: Maktabah al-Riyād al-Hadithah, t.t), 229.

⁹ Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islam wa-adillatuhu*, 7:109.

emel telah dihantar kepada setiap majlis fatwa negeri-negeri. Akan tetapi hanya beberapa buah negeri sahaja yang telah mengeluarkan keputusan fatwa dan pandangan hukum berkaitan isu ini. Masih terdapat beberapa buah negeri lain seperti Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Kelantan, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang yang belum mengeluarkan pandangan hukum ataupun keputusan fatwa berkaitan isu ini dan hanya mengikuti keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Kajian ini tertumpu kepada penelitian kertas kerja berkaitan keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Majlis Kebangsaan dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. Temu bual secara bersemuka telah dilakukan antara bulan Ogos 2019 sehingga Oktober 2019 bagi mendapatkan penjelasan mengenai fatwa dan hukum perkahwinan lari di Selatan Thailand.

Analisis Keputusan Fatwa Hukum Perkahwinan Lari Di Negeri Perlis

Secara umnya terdapat beberapa elemen yang tidak mengesahkan perkahwinan anak dara yang masih mempunyai wali bagi fatwa negeri ini iaitu:

1. Perempuan yang bakal berkahwin adalah anak dara
2. Tidak mendapat izin wali atau tanpa pengetahuan wali
3. Wali enggan dengan sebab yang munasabah

Berhubung dengan keputusan di atas, elemen-elemen lain tidak diambil kira dalam menentukan kesahihan perkahwinan tersebut sepetimana keputusan fatwa kebangsaan yang mengesahkan perkahwinan lari atas sebab antaranya:

1. Keberadaan jauh daripada wali melebihi jarak 2 marhalah

Perempuan yang bakal berkahwin adalah anak dara

Dalam kes anak dara yang berkahwin, ianya lebih perlu kepada persetujuan wali. Anak dara atau (*al-bikr*) seperti mana yang ditakrifkan oleh fuqaha adalah perempuan yang masih belum disetubuh oleh suaminya di farajnya. Termasuk dalam maksud anak dara atau *al-bikr* adalah perempuan yang dikahwini tetapi diceraikan sebelum disetubuh,

**275 Kahwin Lari Tanpa Izin Wali Bagi Anak Dara Yang Masih Mempunyai Wali
Nasab: Satu Analisis Ke Atas Fatwa Negeri Perlis**

ataupun perempuan yang telah berkhawlwat (bersunyi-sunyian) dengan suaminya dan digauli tetapi bukan di farajnya dan kemudiannya ditalakkan atau difasakhkan perkahwinan mereka.¹⁰

Ini berdasarkan hadith Nabi S.A.W (لا نكاح إلا بولي). Abu Thur mentakwilkan hadis ini seperti mana yang dipersetujui oleh ulama al-Syafiyyah ialah bukanlah maksud bahawa hadith ini perlu kepada wali nasab sahaja yang mengahwinkan anaknya, namun boleh juga keizinan diberikan oleh wali nasab kepada seseorang lelaki untuk mengkahwinkan anaknya.¹¹

Hal ini berlainan dengan janda yang boleh melantik hakim untuk mengkahwinkannya kerana janda lebih berhak dalam urusan perkahwinannya. Ini tidak pula bermaksud janda tidak memerlukan wali nasab sebaliknya lebih longgar berbanding anak dara. Ini berdasarkan hadith nabi S.A.W (الثيب أحق بنفسها من ولبها، والبكر يزوجها أبوها). Di sisi pandangan ulama al-Shafiyyah, bapa dan datuk (bapa kepada bapa) berhak mengahwinkan anak perempuan yang masih dara walaupun tanpa persetujuannya dengan beberapa syarat. Antaranya tiada perseteruan antara wali dan anak, dikahwinkan dengan mahar *mithli*, suami mampu membayar mahar, tidak mengahwinkan dengan seseorang yang boleh memberikan mudarat kepada perempuan tersebut seperti orang yang buta, atau terlalu tua dan perempuan tersebut bukan dalam keadaan wajib yang segera ke atasnya menuaikan haji.¹²

Namun, menurut YAA Abdul Walid dalam tulisannya, Undang-Undang Keluarga Islam (UUKI) di Malaysia telah dibentuk dengan menggunakan pelbagai mazhab. Justeru, hak untuk berkahwin dan mengahwinkan merupakan hak bagi perempuan dan walinya selaras dengan pandangan Syafie dan Hanafi. Maka pemahaman ini telah membentuk Seksyen 13 UUKI negeri-negeri yang menyatakan, jika

¹⁰ Abd Karim Zaidan, *al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah wa bait al-Muslim fi Shariah al-Islamiyyah* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 2012), 6:427.

¹¹ Abd Karim Zaidan, *al-Mufassal*, 6:434.

¹² *Ibid.*, 6:436.

kedua-dua pihak tidak bersetuju (wali dan perempuan) dengan perkahwinan tersebut atau salah satu pihak sahaja (sama ada wali atau perempuan), maka perkahwinan itu tidak diakui dan tidak boleh didaftarkan di bawah Enakmen tersebut melainkan ada sebab –sebab yang dibenarkan syarak^{13,14}:

Seksyen 13. Persetujuan dikehendaki

Sesuatu perkahwinan adalah tidak diakui dan tidak boleh didaftarkan di bawah Enakmen ini melainkan kedua-dua pihak kepada perkahwinan itu telah bersetuju terhadapnya, dan sama ada—

(a) wali pihak perempuan telah bersetuju terhadap perkahwinan itu mengikut Hukum Syarak; atau

(b) Hakim Syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana pihak perempuan itu bermastautin atau seseorang yang diberi kuasa secara am atau khas bagi maksud itu oleh Hakim Syarie itu telah, selepas penyiasatan wajar di hadapan semua pihak yang berkenaan, memberi persetujuannya terhadap perkahwinan itu diakadnikahkan oleh wali Raja mengikut Hukum Syarak, persetujuan tersebut boleh diberi jika perempuan tiada mempunyai wali dari nasab mengikut Hukum Syarak atau jika wali tidak dapat ditemui atau jika wali enggan memberikan persetujuannya tanpa sebab yang mencukupi.

Akan tetapi, menurut YAA Abdul Walid, Seksyen 13 (b) hendaklah dibaca bersama dengan Seksyen 18 Enakmen yang sama yang memperkatakan kuasa hakim Syarie untuk membenarkan perkahwinan

¹³ Abdul Walid Abu Hassan, *Hak-Hak Wanita Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*, (Selangor: Universiti Islam Malaysia, 2016), 9-10.

¹⁴[http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Updated_nsff831ccddd195843f48256fc600141e84/93fccb9e6e24451448257115000d69eb?Open Document](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Updated_nsff831ccddd195843f48256fc600141e84/93fccb9e6e24451448257115000d69eb?OpenDocument), Dicapai pada 18 Februari 2020.

**277 Kahwin Lari Tanpa Izin Wali Bagi Anak Dara Yang Masih Mempunyai Wali
Nasab: Satu Analisis Ke Atas Fatwa Negeri Perlis**

menggunakan wali raja. Ia juga adalah betrakait secara langsung dengan Seksyen 17 dan 18 yang menyatakan bahawa:

Seksyen 17. Mengeluarkan kebenaran berkahwin

Tertakluk kepada seksyen 18, Pendaftar, apabila berpuashati tentang kebenaran perkara-perkara yang disebut dalam permohonan itu, tentang sahnya perkahwinan yang dicadangkan itu, dan, jika pihak lelaki itu sudah berkahwin, bahawa kebenaran yang dikehendaki oleh seksyen 23 telah diberi, hendaklah, pada bila-bila masa selepas permohonan itu dan setelah dibayar fi yang ditetapkan, mengeluarkan kepada pemohon kebenarannya untuk berkahwin dalam borang yang ditetapkan.

Dan

Seksyen 18. Rujukan kepada dan tindakan oleh Hakim Syarie

(1) *Dalam mana-mana kes berikut, iaitu—*

- a) jika salah satu pihak kepada perkahwinan yang dicadangkan itu adalah di bawah umur yang dinyatakan dalam seksyen 8;*
- b) jika pihak perempuan adalah seorang janda yang tersabit oleh subseksyen 14(3); atau*
- c) jika pihak perempuan tidak mempunyai wali dari nasab, mengikut Hukum Syarak, maka Pendaftar hendaklah, sebagai ganti bertindak di bawah seksyen 17, merujukkan permohonan itu kepada Hakim Syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat perempuan itu bermastautin.*

(2) *Hakim Syarie, apabila berpuas hati tentang kebenaran perkara-perkara yang disebut dalam permohonan itu dan tentang sahnya perkahwinan yang dicadangkan itu dan bahawa kes itu adalah kes yang mewajarkan pemberian kebenaran bagi maksud-maksud seksyen 8, atau kebenaran bagi maksud-maksud*

subseksyen 14(3), atau persetujuannya terhadap perkahwinan itu diakadnikahkan oleh wali raja bagi maksud-maksud perenggan 13(b), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, pada bila-bila masa selepas permohonan itu dirujukkan kepadanya dan setelah dibayar fi yang ditetapkan, mengeluarkan kepada pemohon kebenarannya untuk berkahwin dalam borang yang ditetapkan.

Justeru, perkahwian di Selatan Thailand yang merujuk kepada wali raja perlulah kemudiannya mendapatkan kebenaran semula oleh hakim Syarie di negara ini dan didaftarkan semula di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri. Dengan merujuk kepada seksyen 12¹⁵:

Seksyen 12. Perkahwinan yang tidak boleh didaftarkan

(1) Sesuatu perkahwinan yang bersalahan dengan Enakmen ini tidak boleh didaftarkan di bawah Enakmen ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1) dan tanpa menjaskan subseksyen 40 (2), sesuatu perkahwinan yang telah diupacarakan berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian ini tetapi sebaliknya sah mengikut Hukum Syarak boleh didaftarkan di bawah Enakmen ini dengan perintah daripada Mahkamah.

Keizinan wali dalam kes perkahwinan anak dara (*al-bikr*) sememangnya menjadi satu kemestian yang ditetapkan syarak terutamanya dalam mazhab Syafie, juga seperti mana yang telah digariskan oleh UUKI di negara ini.

¹⁵ Abdul Walid Abu Hassan, *Hak-Hak Wanita Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*, 12.

279 Kahwin Lari Tanpa Izin Wali Bagi Anak Dara Yang Masih Mempunyai Wali
Nasab: Satu Analisis Ke Atas Fatwa Negeri Perlis

Tidak mendapat izin wali atau tanpa pengetahuan wali

Dapatkan kajian menunjukkan keputusan pihak Majlis Fatwa Negeri Perlis yang tidak mengesahkan bertujuan menjaga dan mengangkat autoriti serta kedudukan wali nasab dalam urusan perkahwinan. Sepertimana yang telah diriwayatkan oleh Saidatina Aishah RA khususnya berkaitan rukun perwalian iaitu:

«أَيُّهَا امْرَأَةٌ نَكَحْتَ بِغَيْرِ إِذْنٍ وَلِيْهَا فَنَكَاحُهَا باطِلٌ إِنْ دَخَلَ بِهَا فَلَهَا

الْمَهْرُ بِعَا اسْتَحْلَلٌ مِنْ فَرْجِهَا إِنْ اشْتَجَرُوا فَالسُّلْطَانُ وَلِيُّ مِنْ لَا وَلِيٌّ

¹⁶ ۝

Terjemahan: “Mana-mana wanita yang berkahwin tanpa izin walinya, maka perkahwinannya adalah batal dan apabila dia telah dicampuri oleh suaminya, maka untuknya mahar kerana telah menghalalkan percampurannya dan jika para wali enggan, maka sultan atau wakilnya menjadi wali bagi orang (wanita) yang tidak mempunyai wali.”

Berdasarkan kepada hadis tersebut, dapat dilihat bahawa izin wali merupakan syarat sah bagi akad perkahwinan dan tanpa izin wali maka akad tersebut adalah terbatal. Bahkan kedudukan wali nasab adalah yang paling utama dan teratas berbanding wali *ab'ad*, wali hakim dan wali *muhyakkam* menurut jumhur fuqaha.¹⁷ Jadi keputusan fatwa dari negeri Perlis ini dilihat sebagai satu keputusan yang mementingkan elemen *fiqhī* iaitu elemen perwalian dalam sebuah perkahwinan seperti mana yang telah dinyatakan dalam hadis tersebut.

¹⁶ Hadis riwayat Abu Dāwud, Kitab al-Nikāh, Bab fi al-Wali, no.hadith 2083. Lihat Abu Dāwud Sulayman ibn al-ashghath al-azdi as-sijistani, Sunan Abī Dāwud, ed Muhammad Muhyiddīn ‘Abd al-Hamīd (al-Riyāḍ: Maktabah al-Riyāḍ al-Hadithah, t.t), 229.

¹⁷ Shirbīnī, *Mughnī al-Muhtaj* (al-Qāhirah: Dar al-Hadith, 2006), 3:151-152. Lihat juga Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 9:346-350. Lihat juga Shaykh Niẓām al-Din wa jama’ah min ‘ulama al-hind al-‘alam, *Fatwa al-hindiyah fī madhab al-Imam al-‘azam Abi Hanīfah al-Nu’mān*, 1:312-313. Lihat juga Al-Jazīrī, *Fiqh ‘ala mazāhib al-arbi’ah*, 4:27.

Menurut Profesor Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi bin Ab. Majid, perbuatan pasangan yang melarikan diri daripada wali ini dilihat sebagai salah satu perbuatan yang telah mencemarkan institusi kerukunan keluarga yang dituntut Islam. Hal yang demikian kerana mereka telah berkahwin tanpa mendapatkan persetujuan wali sedangkan wali adalah rukun yang utama dalam akad perkahwinan. Menurut beliau juga, keputusan oleh majlis jawatankuasa fatwa Negeri Perlis menggambarkan semangat syariah dalam menjaga kepentingan dan hak wali nasab dalam urusan perkahwinan anak perempuanya. Ianya juga merupakan satu langkah yang diambil daripada konsep *sadd al-dhara'i*¹⁸ yang bertujuan untuk menghalang pasangan warganegara daripada mengambil jalan pintas untuk menghalalkan perkara yang haram.¹⁹

Wali enggan dengan sebab yang munasabah

Hasil temu bual bersama Dato' Seri Dr Haji Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, wali enggan merupakan salah satu alasan yang membolehkan pasangan menggunakan wali hakim. Akan tetapi penggunaan wali hakim di Selatan Thailand adalah dibenarkan kerana kedudukan pasangan pengantin telah mencapai jarak dua marhalah daripada wali nasab. Jika alasan keengaman wali perlu diperolehi di Pejabat Agama Islam Thailand maka proses perkahwinan akan menjadi lambat. Jumlah pasangan yang berkahwin di Selatan Thailand adalah banyak dalam tempoh sehari. Adalah mustahil untuk diteliti satu demi satu setiap alasan yang diberikan oleh pasangan. Ini kerana setiap pasangan yang datang ke Thailand mempunyai kes masing-masing yang berbeza.²⁰

¹⁸ *Sadd al-Dhara'I* ialah menghalang setiap perkara yang mengandungi unsur-unsur yang boleh membawa kepada mafsadah atau kemudaratana maka ia ditegah daripada melakukannya. Lihat Wahbah al-Zuhaili, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh* (Beirut: Dār al-Fikr al-Ma'asir, 1994), 108.

¹⁹ Prof Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi bin Ab. Majid, dalam temu bual bersama penulis, 23 Oktober 2019.

²⁰ Dato' Seri Dr. Hj. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri (Mufti Wilayah Persekutuan) dalam temu bual bersama penulis, 16 Ogos 2019.

281 Kahwin Lari Tanpa Izin Wali Bagi Anak Dara Yang Masih Mempunyai Wali
Nasab: Satu Analisis Ke Atas Fatwa Negeri Perlis

Perkara yang sama turut dipersetujui oleh YAA Dato' Abdul Walid bin Abu Hassan dalam menyatakan bahawa kuasa perpindahan perwalian daripada wali nasab kepada wali hakim di Selatan Thailand berlaku kerana telah melangkaui jarak dua marhalah serta berada pada kedudukan wilayah yang berbeza dengan walinya. Pensabitan wali enggan tidak berlaku di pejabat agama Islam Thailand dan alasan yang diperlukan daripada wali nasab juga tiada maka isu wali enggan tidak wujud dan penggunaan wali hakim bukan berlaku atas alasan walinya enggan.²¹

Namun pasangan warganegara telah menggunakan alasan wali enggan untuk berkahwin di Selatan Thailand. Dapat dilihat berdasarkan kepada kes-kes yang berlaku di mahkamah syariah. Merujuk kepada kes *Anuar bin Biden dan Rohayah binti Alias*²² mahkamah telah memutuskan bahawa permohonan pengesahan perintah nikah adalah diterima. Tujuan utama permohonan ini dilakukan adalah untuk mengesahkan pernikahan mereka yang telah berlangsung di Majlis Agama Islam Narathiwat, Thailand sekali gus membolehkan pernikahan mereka didaftarkan sewajarnya menurut peruntukan Akta UUKI Wilayah Persekutuan.

Pasangan ini memilih untuk berkahwin lari kerana wali tidak setuju dengan pilihan anaknya. Mereka telah mlarikan diri secara diam dan tidak memaklumkan kepada walinya untuk berkahwin. Ketika akad perkahwinan berlangsung di Thailand, bapanya berada di Negeri Sembilan dan dilakukan tanpa pengetahuannya. Pasangan ini turut mengakui bahawa bapanya adalah wali yang sepatutnya dalam urusan akad perkahwinan mereka namun tetap memilih untuk berkahwin lari di Selatan Thailand. Berdasarkan kepada kes tersebut sekali pun wali nasab yang berada di Malaysia enggan untuk menjadi wali namun perkahwinan yang berlangsung menggunakan wali hakim di Selatan Thailand adalah sah kerana ianya telah berada pada jarak dua marhalah dan berada pada wilayah sempadan yang berbeza daripada wali nasabnya.

²¹ YAA Dato' Abdul Walid bin Abu Hassan (Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan, JKSM) temu bual bersama penulis, 3 Oktober 2019.

²² Kes Mal No: 14004-010-085-2017 (*Anuar bin Biden dan Rohayah binti Alias*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

Bagi kes yang dimohon oleh pemohon 1 iaitu *Titien Juwina bt Abdul Rahman* dan pemohon 2 iaitu *Faizal bin Yaakob*²³ pula permohonan pengesahan pernikahan mereka adalah diterima di Mahkamah Rendah Syariah Selangor. Pernikahan mereka telah berlangsung di Wilayah Yala Thailand di sebuah rumah pada 9 Sepetember 1997. Tujuan mereka berkahwin lari di Thailand adalah kerana tidak mendapat persetujuan keluarga lebih-lebih lagi ayahnya kerana pemohon 1 masih lagi seorang penuntut di universiti dan baru sahaja berumur 18 tahun pada ketika itu. Semasa berlangsungnya pernikahan itu, bapanya berada di Damansara. Walaupun bapa enggan memberi izin namun pihak mahkamah tetap meluluskan permohonan ini kerana ianya dilakukan pada jarak yang telah melebihi dua marhalah.

Pihak mahkamah seharusnya memanggil bapa bagi mendapatkan penjelasan dan keterangan berkaitan keengganannya untuk mengahwinkan anak perempuannya. Lebih-lebih lagi pemohon 1 masih anak dari serta seorang penuntut pelajar di universiti. Bapa mempunyai hak untuk memfasakhkan perkahwinan mereka sekiranya pasangan tersebut dilihat tidak sekufu. Seperti mana kes permohonan pembatalan perkahwinan di antara Haji Mohamed lawan Bahrunnasran dan Mazliani binti Mohamed. Permohonan pembatalan ini dilakukan kerana pasangan tersebut dikatakan tidak sekufu kerana Bahrunnasran merupakan seorang pesakit HIV dan merupakan penagih dadah.²⁴ Alasan keenggan wali adalah diperlukan bagi membolehkan perkahwinan itu dilaksanakan atau tidak.

Walau sejauh mana pun wali hakim memperakukan bahawa perkahwinan tersebut adalah sah atas alasan wali *ghaib* atau enggan, namun, pandangan fuqaha yang terkuat dalam mazhab al-Syafie adalah wali hakim yang menggantikan wali *ghaib* atau enggan hendaklah di negeri tempat perempuan tersebut bermautatin (menetap atau tinggal)

²³ Kes Mal No: 10001-010-1295-2015 (*Titien Juwina bt Abdul Rahman dan Faizal bin Yaakob*, Mahkamah Rendah Syariah Selangor).

²⁴Siti Shamsiah Mohd Sofi, “Sah kahwin lari guna wali hakim?,” laman sesawang Utusan Online, dikemaskini 25 Ogos 2008, dicapai 8 November 2017, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0425&sec=Rencana&pg=re_01.htm

283 Kahwin Lari Tanpa Izin Wali Bagi Anak Dara Yang Masih Mempunyai Wali
Nasab: Satu Analisis Ke Atas Fatwa Negeri Perlis

dan bukannya negeri orang lain. Perkara ini dapat dibuktikan dalam penulisan al-Shirbini²⁵:

"ولو غاب الولي (الأقرب) نسباً أو ولاءً (إلى مرحليتين) ولا وكيل له
حاضر بالبلد أو دون مسافة القصر (زوج السلطان) أي سلطان بلدها
أو نائبه لا سلطان غير بلدها ولا الأبعد على الأصح"

Maksudnya: "Andainya wali yang akrab ghaib, samada wali itu daripada nasab ataupun yang memerdekakan melebihi dua marhalah dan tidak ada wakilnya hadir di dalam majlis akad nikah atau jarak jauh yang mengharuskan qasar solat, maka perempuan itu hendaklah dikahwinkan oleh Sultan di negeri dia berada atau Naib Sultan tersebut, bukan Sultan negeri lain daripada negeri dia berada itu dan tidak boleh diakadnikahkan oleh wali yang lebih jauh mengikut pendapat yang asoh."

Hal ini kerana penyiasatan dapat dilakukan dengan baik mengenai keghaiban dan keengganahan wali sekirannya wali hakim adalah daripada negeri perempuan tersebut. Jadi pasangan yang berkahwin lari di Selatan Thailand telah menyalahi syarat yang ditetapkan fuqaha berkaitan wali hakim yang sah iaitu wali hakim atau pemerintah yang berkelayakan di negeri perempuan tersebut bermastautin.

Bagi kes wali enggan, jumhur fuqaha telah sepakat dalam menyatakan bahawa wali hakim hanya boleh mengantikan kedudukan wali nasab sekiranya telah terbukti bahawa wali nasab enggan memberi izin.²⁶ Walaupun wali hakim boleh mengantikan wali nasab yang enggan namun penelitian kepada alasan keengganannya perlu dinilai dan disabitkan terlebih dahulu di pihak mahkamah. Bahkan dalam Undang-Undang Keluarga Islam di bawah seksyen 13 berkaitan persetujuan yang dikehendaki untuk menjadi wali seperti yang telah dinyatakan sebelum ini.

²⁵ Shirbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 3:157.

²⁶ al-Nawawi, *Rawḍat al-Tālibīn*, (al-Qāhirah: al-Maktab al-Islami, 1966), 7:58.

Melihat kepada situasi pasangan yang berkahwin lari di Selatan Thailand ini, ianya tidak memenuhi syarat perpindahan perwalian wali nasab kepada wali hakim dalam konteks wali *ghaib* mahu pun wali enggan. Tidak sewenang-wenangnya wali hakim mempunyai hak untuk mengakadnikahkan seorang perempuan yang masih anak dara sedangkan walinya masih hidup dan boleh untuk dihubungi. Perlu kepada penyiasatan dan keterangan daripada pihak wali seandainya enggan memberi izin. Adalah tidak wajar untuk kita memudahkan pasangan warganegara untuk berkahwin di negara luar khususnya Selatan Thailand menggunakan wali hakim di sana yang mana pasangan tersebut tidak berada di bawah pemerintahan, pentadbiran serta perundungan yang berbeza dengan Malaysia.²⁷

Keberadaan jauh daripada wali melebihi jarak 2 marhalah tidak diambil kira

Walaupun jarak dua marhalah menjadi alasan pasangan untuk berkahwin secara sah di Selatan Thailand tanpa keizinan wali nasab, namun fatwa Perlis tidak mengiktiraf hal yang sedemikian.²⁸

Jika diamati, pemakaian ‘illah dua marhalah ini ada dibincangkan oleh para fuqaha dalam topik wali *ghaib*. Berdasarkan kepada perbincangan mengenai wali *ghaib*, jumhur fuqaha telah bersepakat dalam menyatakan bahawa wali *ghaib* ini berpunca daripada wali nasab mahupun wali *aqrab* itu sendiri.²⁹ Maka penilaian hukum perlu dilakukan dengan melihat sama ada situasi tersebut menepati atau tidak ciri-ciri yang dibincangkan dalam bab wali *ghaib* lebih-lebih lagi apabila alasan ‘illah dua marhalah digunakan.

²⁷ Prof Emeritus Dato’ Paduka Dr. Mahmood Zuhdi bin Ab. Majid, dalam temu bual bersama penulis, 23 Oktober 2019.

²⁸ Kertas kerja Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, “Hukum kahwin lariatau luar negara.” JFNPs/1/39/2019.

²⁹ al-Kasānī, *Bada’I al-Sana’I* (Beirut: Dar al-Ma’rifah), 3:1375. Lihat juga Ibn ‘Abidīn, *Hashiyat Radd al-Mukhtār ‘ala al-durr al-Mukhtar*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1992), 3:81. Lihat juga Shaykh Niẓām al-Din wa jama’ah min ‘ulama al-hind al-‘alam, *Fatwa al-hindiyah fi madhab al-Imam al-‘azam Abi Hanīfah al-Nu’mān*, (Beirut: Dār al-‘Ilmiyyah, 2000), 1:285.

285 Kahwin Lari Tanpa Izin Wali Bagi Anak Dara Yang Masih Mempunyai Wali
Nasab: Satu Analisis Ke Atas Fatwa Negeri Perlis

Dalam Mazhab Syafi'i dan Mazhab Imam Ahmad, perbincangan wali *ghaib* ini disandarkan kepada pihak wali nasab itu sendiri yang telah keluar bermusafir sehingga terjadinya wali *ghaib*. Malahan keghaiban wali itu pula diukur pada jarak sejauh dua marhalah yang tidak diketahui keberadaannya sekali pun wali itu berada dalam kawasan wilayah yang sama atau dekat.³⁰ Definisi lain bagi wali *ghaib* ialah wali yang berada pada jarak dua marhalah ataupun lebih yang membolehkan solat *qasar* serta tidak diketahui tempatnya bersembunyi. Tidak pula dihukum sebagai meninggal dunia serta wali tersebut tidak mewakilkan mananya individu untuk mewalikan mereka yang berada di bawah tanggungjawabnya.³¹

Perbincangan mengenai wali *ghaib* ini jelas menggambarkan situasi permusafiran yang berpunca daripada pihak wali nasab mahupun wali *aqrab*. Berdasarkan kepada perbincangan para fuqaha mengenai topik wali *ghaib* ini, pengkaji simpulkan bahawa untuk membolehkan berlakunya perpindahan perwalian kepada wali hakim bagi situasi wali *ghaib*, perlu memenuhi ciri-ciri seperti berikut:

- i. Berpunca daripada wali itu sendiri yang keluar bermusafir sehingga *ghaib*.
- ii. Keghaibannya adalah sejauh dua marhalah.
- iii. Wujudnya elemen *masyaqah* untuk berhubung dan berkomunikasi bagi mendapatkan izinnya.
- iv. Wali hakim yang sah ialah wali hakim yang mempunyai autoriti di wilayah perempuan tersebut bermastautin.

Apabila ciri-ciri tersebut telah dipenuhi maka dibolehkan seorang perempuan untuk berkahwin tanpa pengetahuan wali nasab kerana keghaibannya menyukarkan untuk mendapat izin wali. Namun al-Ramli menyatakan sebaiknya akad perkahwinan itu dilakukan dengan mendapatkan persetujuan dan izin daripada wali *ab'ad* juga.³² Walaupun Dato' Seri Dr Haji Zulkifli bin Mohamad al-Bakri menyatakan pasangan yang melarikan diri di Selatan Thailand ini boleh disamakan dengan

³⁰ al-Jazīrī, *Fiqh 'ala mazāhib al-arbi'ah*, 4:45.

³¹ Al-Ramli, *Nihāyah al-Muḥājj*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1984), 6:241.

³² Ibid.

situasi wali *ghaib* kerana telah memenuhi ‘illah persamaan iaitu wali tidak berada bersamanya pada jarak dua marhalah³³ namun wali nasab yang berada di Malaysia masih hidup dan boleh sahaja dihubungi dan bertemu. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa pasangan yang meninggalkan wali sejauh dua marhalah di Selatan Thailand tidak menepati ciri-ciri wali *ghaib* yang telah dibincangkan oleh para fuqaha terdahulu.

Menurut Prof Emeritus Dato’ Paduka Dr Mahmood Zuhdi, situasi ini dilihat sebagai satu helah yang tidak wajar dilakukan oleh pasangan warganegara bagi menghalalkan perkara yang pada asalnya adalah haram. Hanya kerana berada pada jarak sejauh dua marhalah daripada wali nasab sudah memadai untuk disamakan dengan konsep wali *ghaib*. Bahkan dengan sengaja mlarikan diri daripada wali nasab tanpa alasan yang munasabah membolehkan pasangan untuk berkahwin tanpa izin wali menggunakan wali hakim.³⁴ Bahkan menurut mazhab Imam Malik, jika jarak wali *ghaib* itu dekat dan kehilangannya tidak membawa sebarang kemudarat terhadap anak perempuannya seperti perjalanan yang hanya memakan masa selama seharian ataupun lebih dan diketahui bahawa bapanya akan pulang maka kuasa perwalian tidak akan berpindah kepada wali hakim dan harus menunggu sehingga bapanya pulang.³⁵ Manakala menurut mazhab Hanafi, perpindahan kuasa perwalian boleh berlaku sekiranya wali *ghaib* dan tidak diketahui keberadaannya sama ada masih di negeri yang sama ataupun bersembunyi di negeri yang lain.³⁶ Menurut mazhab Imam Ahamd juga, kehilangan wali itu merupakan satu *masyaqqa* untuk berhubung dan

³³ YAA Dato’ Abdul Walid bin Abu Hassan (Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan, JKSM) temu bual bersama penulis, 3 Oktober 2019.

³⁴ Prof Emeritus Dato’ Paduka Dr. Mahmood Zuhdi bin Ab. Majid, dalam temu bual bersama penulis, 23 Oktober 2019.

³⁵ Muhammad Bashīr al-Shaqfah , *al-fiqh al-Maliki fi thawbihi al-Jadīd*, 3:315.

³⁶ Shaykh Nizām al-Din wa jama’ah min ‘ulama al-hind al-‘alam, *Fatwa al-hindiyah fi madhab al-Imam al-‘azam Abi Hanīfah al-Nu’mān* fatwa al-Hindiyah, 1:285.

287 Kahwin Lari Tanpa Izin Wali Bagi Anak Dara Yang Masih Mempunyai Wali
Nasab: Satu Analisis Ke Atas Fatwa Negeri Perlis

berkomunikasi. Pada masa yang sama wali itu juga tidak mewakilkan mana-mana individu sebagai wali bagi menggantikan kedudukannya.³⁷

Justeru, perbuatan sengaja melarikan diri di Selatan Thailand serta tiada kesukaran untuk berhubung dengan wali sebenarnya tidak memenuhi ciri-ciri wali *ghaib* yang dibincangkan fuqaha. Ini kerana keghaiban tersebut dibuat-buat dan tidak wujudnya *masyaqqah* untuk berhubung. *Ilah* atau elemen 2 marhalah yang digunakan merupakan *illah* yang tidak sepatutnya digunakan dalam kes kahwin lari ini. Sedangkan kertas kerja yang menjadi rujukan fatwa Kebangsaan turut menyebutkan bahawa sekiranya wali *ghaib* boleh berpindah wali kepada wali hakim ianya adalah kerana wujud kesukaran melaksanakan perwaliannya,³⁸

“Menurut mazhab al-Syafie, sekiranya wali akrab berada berjauhan (mengharsukan qasar sembahyang) atau ghaib dan ketika itu tidak ada lagi wali untuk menikahkan perempuan maka yang menjadi wali ialah wali hakim yang dilantik di tempat berkenaan kerana pada prinsipnya wali yang ghaib atau berada berjauhan masih tetap berhak menjadi wali tetapi kerana sukar melaksanakan perwaliannya maka haknya diganti oleh wali hakim.”

Yang menjadi persoalan ialah, wali *ghaib* yang dimaksudkan dalam kes kahwin lari bukanlah keadaan yang dimaksudkan dalam mazhab Syafie itu sendiri seperti mana yang dirujuk oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dalam Kitab Fiqh Mazahib al-Arba'ah yang mana wali itu sukar melaksanakan perwaliannya yang membolehkan kuasa perwalian berpindah kepada wali hakim. Namun, kes kahwin lari ini berlaku dalam keadaan wali tidak diberitahu apatah lagi dalam meminta izinnya bagi melaksanakan perkahwinan tersebut.

³⁷ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 9:385.

³⁸ Kertas Kerja Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan, “Hukum kahwin lari di Selatan Thailand.” JKF. BIL.7/52/2002.

Penutup

Perkahwinan lari di Selatan Thailand berlaku dalam situasi yang lain daripada perbincangan dalam topik wali *ghaib* kerana situasi dan alasannya adalah berbeza berbanding zaman dahulu. Elemen *ghaib* yang dijelaskan oleh fuqaha adalah permusafiran yang berpunca daripada pihak wali sedangkan keghaiban dalam situasi pasangan yang berkahwin lari di Selatan Thailand telah berpunca daripada pihak perempuan dan tiada kesukaran untuk berhubung dengan wali nasab.

Justifikasi '*illah 2* marhalah yang mengesahkan perkahwinan lari kerana wali nasab tidak berada bersama perempuan ketika berlakunya akad perkahwinan sebagai satu persamaan dengan '*illah wali ghaib* perlu dinilai semula. Perkara ini dilihat sebagai satu pengabaian hak dan tanggungjawab yang dimiliki wali nasab dalam urusan perkahwinan anak perempuannya. Hal yang demikian kerana tiada faktor-faktor yang membolehkan pemindahan kuasa perwalian kepada wali hakim dalam kes anak dara yang lari meninggalkan wali nasabnya dengan sengaja di Selatan Thailand.

BIBLIOGRAFI

Kitab dan Buku

Abdul Walid Abu Hassan, *Hak-Hak Wanita Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. Selangor: Universiti Islam Malaysia, 2016.

al-Jaziri, *al-Fiqh 'ala al-Madhahib al-arba'ah*. Jilid ke-4. al-Qahirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, 2008.

al-Kasani, *Bada'I al-Sana'I*, Jilid ke-3.

al-Nawawi, *Rawdat al-Talibin*. al-Qahirah: al-Maktab al-Islami, 1966.

al-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Fikr, 1984.

al-Shirbini, *Mughni al-Muhtaj: ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Jilid ke-5. al-Qaherah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1958.

**289 Kahwin Lari Tanpa Izin Wali Bagi Anak Dara Yang Masih Mempunyai Wali
Nasab: Satu Analisis Ke Atas Fatwa Negeri Perlis**

Ibn ‘Abidin, *Hashiyat Radd al-Mukhtar‘ala al-durr al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr, 1992.

Ibn Qudamah, *al-Mughni*. Jilid ke-9. Misr: Maktabat al-Qahirah, 1970.

Muhammad Bashir al-Shaqqah, *al-Fiqh al-maliki fi thawbihi al-jadid*. Jilid ke-3. Dimashq: Dar al-Qalam, 2007.

Muhammad Muhyiddin ‘Abd al-Hamid, *Sunan Abi Dawud*. Kitab al-Nikah. Bab fi al-Wali. No.hadith 2083. al-Riyad: Maktabah al-Riyad al-Hadithah.

Shaykh Nizam al-Din wa jama’ah min ‘ulama al-hind al-‘alam, *Fatwa al-hindiyah fi madhab al-Imam al-‘azam Abi Hanifah al-Nu’mān*. Jilid ke-1. Beirut: Dar al-‘Ilmiyyah, 2000.

Wahbah Zuhaily, *al-Fiqh al-Islam wa-adillatuhu*. Jilid ke-7. Dimashq: Dar al-Fikr, 2007.

Wahbah al-Zuhaili, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Fikr al-Ma’asir, 1994.

Kertas Kerja Fatwa

Kertas Kerja Jawatankuasa Mesyuarat Fatwa Negeri Perlis JFNPs/1/39/2019.

Kertas Kerja Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Kebangsaan JKF. BIL.7/52/2002.

Temu bual

YAA Dato’ Abdul Walid bin Abu Hassan, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan, JKSM.

Prof Emeritus Dato’ Paduka Dr. Mahmood Zuhdi bin Ab. Majid. Felo Penyelidikan, Universiti Malaya.

Dato' Seri Dr. Hj. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan.

Kes mahkamah

Kes Mal No: 14004-010-085-2017 (*Anuar bin Biden dan Rohayah binti Alias*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

Kes Mal No: 10001-010-1295-2015 (*Titien Juwina bt Abdul Rahman dan Faizal bin Yaakob*, Mahkamah Rendah Syariah Selangor).

Laman sesawang

Siti Shamsiah Mohd Sofi, “Sah kahwin lari guna wali hakim?,” laman sesawang Utusan Online, dikemaskini 25 Ogos 2008, dicapai 8 November 2017,
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0425&sec=Rencana&pg=re_01.htm

http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Upd.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/93fccb9e6e24451448257115000d69eb?OpenDocument,

Sharifah Hazirah Al-Jeffrey, “Makin Ramai Nikah Di Thailand”, laman sesawang Sinar Online, dikemaskini 13 Oktober 2015, dicapai 12 Februari 2018, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/makin-ramai-nikah-di-thailand-1.439756>.

Bernama, Astro Awani, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ejen-nikah-dedah-dua-alasan-utama-kahwin-di-thailand-200138>, 4 Mac 2019, dicapai 20 Januari 2020.

Program Wacana Perkahwinan Rentas Sempadan, Website Rasmi JAKIM, 14 Ogos 2018, <http://www.islam.gov.my/berita-semasa/34-bahagian-keluarga-sosial-komuniti/1656-program-wacana-perkahwinan-rentas-sempadan>